

12/10/2003

Segerakan arahan ITLOS bagi atasi masalah tambak laut

Jamudin Idris; Ziauddin Sharuddin; Ridzuan Yop; Abdul Razak Raaff
CYBERJAYA: Perdana Menteri mahu jawatankuasa pakar seperti yang diarahkan oleh Tribunal Antarabangsa bagi Undang-Undang Laut (ITLOS) segera ditubuhkan berikutan keengganan Singapura menghentikan projek penambakan laut di Tuas dan Pulau Tekong.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan jawatankuasa itu akan menentukan sama ada tindakan Singapura meneruskan kerja penambakan laut itu menimbulkan kesan buruk atau sebaliknya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan, bahawa negara itu tidak bersedia mengikut kehendak Malaysia. Dr Mahathir sebelum itu merasmikan bangunan dan makmal InventQjaya di sini, semalam.

Mah dipetik akhbar Berita Harian Singapura sebagai berkata, jika kerja dihentikan, ia akan menjejaskan bukan saja penambakan itu, tetapi kegiatan pembangunan di Singapura.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Singapura perlu memastikan kerja penambakan laut yang dilakukan di Tuas dan Pulau Tekong tidak menjejaskan sistem ekologi dan alam sekitar Malaysia.

"Bagi Malaysia bukan masalah boleh atau tidak boleh Singapura lakukan, tetapi yang penting jangan datangkan kesan negatif alam sekitar dan ekologi yang menjejaskan kawasan negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen pendidikan Melayu dan mesyuarat agung tahunan GPMS di Kuala Lumpur, semalam.

Di Johor Bahru, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata Kementerian Pertahanan tidak bercadang memindahkan Pusat Latihan Rekrut (Pularek) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Tanjung Pengelih walaupun Singapura meneruskan aktiviti penambakan laut.

Sebaliknya, katanya, kementerian akan menghantar laporan mengenai kesan penambakan itu ke atas Pularek kepada jawatankuasa bersama Malaysia-Singapura seperti yang diputuskan ITLOS, Rabu lalu.

"Kita tidak akan memindahkan Pularek kerana ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan sebab itu, Singapura sepatutnya tidak berlengah menubuhkan jawatankuasa bersama dengan Malaysia," katanya di sini, semalam.

Dalam perkembangan sama, Kerajaan Johor mahu Singapura menyegerakan penubuhan kumpulan pakar bebas yang menjalankan kajian kesan kerja penambakan laut.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman selepas melancarkan Seminar Memahami Siyasah Syar'iyah di Johor Bahru, semalam, berkata republik itu hendaklah menghormati segala keputusan dan arahan ITLOS.